



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	MAFI IKHTIRAF PERANAN MEDIA SAMPAI MAKLUMAT COVID-19, SH -ONLINE PROGRAM SMART SBB MAMPU TINGKATKAN PENDAPATAN PESAWAH -MAFI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PROGRAM SMART SBB TINGKAT TAHAP SARA DIRI PESAWAH, SH -ONLINE PROJEK TERNAKAN UDANG DI FELCRA SEBERANG PERAK BUKAN SEBAHAGIAN SMART SBB, BERNAMA -ONLINE MAFI PERJELAS KEKELIRUAN PROJEK TERNAK UDANG DALAM SAWAH, BH -ONLINE PRAWN FARMING PROJECT AT FELCRA SEBERANG PERAK NOT PART OF SMART SBB PROGRAMME - MAFI, BERNAMA -ONLINE PRAWN FARM PROJECT IN PERAK NOT PART OF SMART PADDY FIELD PROGRAMME, MALAYSIA KINI -ONLINE PROJEK UDANG DI FELCRA SEBERANG PERAK BUKAN SEBAHAGIAN SMART SBB, MALAYSIA KINI -ONLINE PROJEK TERNAKAN UDANG DI FELCRA SEBERANG PERAK BUKAN SEBAHAGIAN SMART SBB, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE BERNAS KOMITED PERKASA INDUSTRI PADI, BERAS NEGARA, UM -ONLINE SABAH DEVELOPING LARGE-SCALE SMART PADDY PROGRAMME, NEWS, TAMIL MALAR -5 PROJEK TERNAKAN UDANG GALAH BUKAN SEBAHAGIAN PROGRAM SMART SBB, CETUSAN, SH -17 SMART SBB TINGKAT 191 PERATUS HASIL PADI, NEGARA, KOSMO -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
14.	DAGING KERBAU INDIA NEGATIF VIRUS COVID-19, VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH -10	JABATAN PERKHIDMATAMAN VETERINAR (JPV)
15.	BUAH-BUAHAN UNTUK PETUGAS BARISAN HADAPAN, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16. 17. 18. 19. 20.	TEKNOLOGI PERKASA SEKTOR PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -5 INDUSTRI PERTANIAN LESTARI PEMANGKIN EKONOMI, NASIONAL, BH -16 SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE-46, SH -5 KE ARAH INDUSTRI PERTANIAN LESTARI, MAFI PRIHATIN, SH -6 HIKMAH DI SEBALIK COVID-19, MAFI PRIHATIN, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
21. 22. 23.	PEKEBUN PISANG TERBEBAN, DALAM NEGERI, UM -26 HIKMAH BERBUDI KEPADA TANAH, GAYA TANI, UM -20 & 21 MAHU PELOPORI PROJEK CILI FERTIGASI, GAYA TANI, UM -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI iktiraf peranan media sampai maklumat Covid-19

ADILA SHARINNI WAHID | 05 Ogos 2021



Wartawan sambilan Bernama, Adnan Mohamad (dua dari kiri) menerima kotak makanan daripada Che Abdullah.

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengiktiraf sumbangan pengamal media terutama barisan hadapan wartawan di Kelantan yang berterusan bertugas menyampaikan maklumat tepat kepada rakyat sepanjang penularan Covid-19.

Sebagai penghargaan, seramai 60 pengamal media di negeri ini menerima agihan kotak makanan bernilai RM100 setiap satu menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sumbangan sebagai tanda penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus bertugas dalam situasi sukar pandemik Covid-19.

Katanya, kumpulan itu tetap utuh turun ke lapangan bagi mendapatkan informasi terkini dan tepat untuk disampaikan kepada rakyat biarpun mendedahkan diri kepada jangkitan.

"Penugasan wartawan tidak mengira keadaan dan mereka banyak membantu kerajaan dalam berusaha membebaskan negara daripada cengkaman Covid-19.

"Peranan mereka diiktiraf dan jasa mereka amat dihargai," katanya kepada pemberita di Terbok, di sini, pada Rabu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat sebelum itu menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh Tumpat.

Beliau berkata, sebanyak 554,000 kotak makanan diagihkan di Parlimen Tumpat menerusi peruntukan RM300,000 yang disediakan.

"Bantuan dapat memanfaatkan dan meringankan beban mencakupi semua lapisan masyarakat yang terkesan dengan pelaksanaan sekatan pergerakan ketika ini.

"Rakyat dipastikan ada makanan di atas meja untuk meneruskan kelangsungan hidup pada saat yang sukar dan mencabar," katanya.

Che Abdullah berkata, bagi bantuan menerusi MAFI Prihatin pula, skop diperluaskan kepada semua yang memerlukan termasuk petugas barisan hadapan dan mereka yang terjejas kerana pandemik Covid-19.

"Program MAFI di peringkat kementerian pada mulanya bagi membantu warga tani sahaja.

"Sumbangan barangan dan wang tunai turut diperolehi daripada pihak pertanian swasta," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Program SMART SBB mampu tingkatkan pendapatan pesawah – MAFI

By Haslina AR Kemaludin - 6 August 2021



KUALA LUMPUR – Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan projek rintis ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi seluas 1.08 hektar di FELCRA Seberang Perak merupakan dua inisiatif yang berbeza.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan berkata, projek ternakan tersebut adalah kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan sebuah syarikat swasta.

“Ia bertujuan meningkatkan pendapatan para pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

“Inisiatif ini bukan sebahagian daripada program SMART SBB. Justeru, tidak timbul isu kerajaan mengubah strategi pelaksanaan SMART SBB dengan penternakan udang seperti yang dinyatakan dalam kenyataan berkenaan,” jelas kenyataan itu.

MAFI merujuk kenyataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) bertajuk ‘Projek Estet Smart SBB: Pesawah disaran berfikir panjang dan tolak’.

Jelas MAFI, program SMART SBB mendapat persetujuan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) adalah inisiatif MAFI yang dirangka bagi mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

"Program SMART SBB dilaksanakan oleh jabatan dan agensi dibawah MAFI iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

"Kesemua jabatan dan agensi ini merupakan penyelaras selain bertindak sebagai pemantau program dan aktiviti dalam melaksanakan dasar Kerajaan dan turut menyediakan khidmat pengembangan kepada pesawah dan sebagainya," jelas kenyataan itu.



Menurut kenyataan itu lagi, pelaksanaan program SMART SBB melibatkan pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan.

Sehubungan itu, kepentingan dan kesejahteraan para pesawah dalam sektor padi dan beras negara sentiasa menjadi keutamaan MAFI.

Jelas MAFI lagi, dalam menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat, MAFI sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan termasuk pesawah-pesawah melalui jabatan dan agensi yang terlibat bagi memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan secara efektif dengan kerjasama padu bagi mencapai objektif yang dihasratkan.

Pada masa sama MAFI berharap, usahasama daripada pihak awam dan swasta akan membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per metrik tan setahun sehingga 191 peratus dan seterusnya nilai pendapatan tahunan sehingga 47 peratus menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 metrik tan.

Jelas kenyataan itu lagi, hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung pesawah akan dapat dikurangkan sekali gus meningkatkan margin pendapatan pesawah.

"Inisiatif ini juga membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar.

"Selain itu, masalah pemutuan sebanyak dua kali di kawasan yang mempunyai pusat belian padi dan menyebabkan kadar pemutuan yang tinggi juga dapat dielakkan melalui inisiatif SMART SBB.

"Pada masa sama, pelaksanaan SMART SBB juga akan menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah yang mengaut keuntungan atas angin dengan mengenakan caj perkhidmatan tinggi kepada pesawah bagi sewaan mesin dan jentera tanaman dan tuaian, pengawalan serangan makhluk perosak, pengangkutan padi dan sebagainya," menurut kenyataan sama.

MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa menjalankan pemantauan berterusan di lapangan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan para pesawah yang merupakan kumpulan sasaran utama kementerian. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Program SMART SBB tingkat tahap sara diri pesawah

MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS || 05 Ogos 2021



Proses penyemburan racun sedang giat dijalankan di SMART SBB Bemis.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) menerusi Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

MAFI dalam kenyataan memaklumkan, terdapat beberapa jabatan dan agensi di bawahnya yang akan bertindak sebagai pemantau program dan aktiviti dalam melaksanakan dasar kerajaan serta menyediakan khidmat pembangunan kepada pesawah.

Menurut MAFI, antaranya, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

“Pelaksanaan program SMART SBB ini melibatkan pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan. Sehubungan itu, kepentingan dan kesejahteraan pesawah dalam sektor padi dan beras negara sentiasa menjadi keutamaan MAFI.



“Dalam menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat, MAFI sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan termasuk pesawah melalui jabatan dan agensi yang terlibat bagi memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan secara efektif dengan kerjasama padu bagi mencapai objektif yang dihasratkan,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, MAFI berkata, program SMART SBB dan projek rintis ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di kawasan Felcra Seberang Perak merupakan dua inisiatif yang berbeza.



Bernas turut berkerjasama dengan Pengilang Bumiputera untuk melaksanakan program SMART SBB

Tambah MAFI, projek rintis itu merupakan kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan sebuah syarikat swasta bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

"Inisiatif ini bukan sebahagian daripada program SMART SBB.

"Justeru, tidak timbul isu kerajaan mengubah strategi pelaksanaan tersebut dengan penternakan udang seperti yang dinyatakan dalam kenyataan berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, MAFI berkata, usahasama sektor awam dan swasta juga akan membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per metrik tan setahun sehingga 191 peratus dengan nilai pendapatan tahunan sebanyak 47 peratus.

Kata MAFI, pertambahan nilai pendapatan itu menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 metrik tan.

"Malah hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung oleh pesawah akan dapat dikurangkan sekaligus meningkatkan margin pendapatan mereka.

"Inisiatif ini juga membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar," jelasnya.

Sementara itu, MAFI berkata, menerusi SMART SBB juga, masalah pemutuan sebanyak dua kali di kawasan yang mempunyai pusat pembelian padi dan kadar yang tinggi dapat dielakkan.

"Pelaksanaan itu juga akan menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah yang mengaut keuntungan atas angin dengan mengenakan caj perkhidmatan tinggi kepada pesawah bagi sewaan mesin dan jentera tanaman dan tuaian, pengawalan serangan makhluk perosak serta pengangkutan padi," kata MAFI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

Projek ternakan udang di Felcra Seberang Perak bukan sebahagian Smart SBB



PUTRAJAYA, 5 Ogos – Projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di Felcra Seberang Perak, Perak bukan sebahagian daripada program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Smart SBB dan projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi itu merupakan dua inisiatif yang berbeza," kata MAFI dalam kenyataan hari ini serta menegaskan strategi pelaksanaan Smart SBB tidak berubah.

Smart SBB adalah program penyatuan tanah sawah berskala besar bagi meningkatkan produktiviti sawah melalui pengurusan sumber secara optimum dan cekap serta meningkatkan pendapatan pesawah. Ia melibatkan kerjasama strategik sektor awam, swasta dan beberapa syarikat peneraju.

Menurut MAFI, projek ternakan udang galah seluas 1.08 hektar itu adalah projek rintis melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dan sebuah syarikat swasta yang bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

MAFI mengulas kenyataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) pada 3 Ogos yang menolak rancangan Smart SBB.

PeSAWAH dan FKMM juga mendakwa sekiranya tanah sawah telah dijadikan kolam udang, ia akan membawa masalah lain seperti pencemaran tanah dan air, malah tidak sesuai lagi ditukar kembali kepada sawah apabila tempoh pajakan berakhir.

MAFI menjelaskan bahawa pelaksanaan Smart SBB melibatkan para pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan dengan kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif itu dapat dilaksanakan secara efektif dan mencapai objektif yang dihasratkan.

Menurut MAFI, Smart SBB akan membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per metrik tan setahun sehingga 191 peratus dan nilai pendapatan tahunan sehingga 47 peratus menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 metrik tan.

"Inisiatif itu juga akan membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar," menurut MAFI.

Program Smart SBB dilaksanakan oleh jabatan dan agensi MAFI iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan IADA selaku penyelaras dan pemantau program berkenaan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI perjas kekeliruan projek ternak udang dalam sawah



GAMBAR fail pada 31 Julai 2021 menunjukkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) melepaskan benih udang galah ke dalam kawasan sawah di Seberang Perak. - Foto NOOR HIDAYAH TANZILI.

KUALA LUMPUR: Projek rintis ternakan udang dalam kawasan sawah di FELCRA Seberang Perak dan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) adalah dua inisiatif berbeza.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan media hari ini, memaklumkan projek ternakan udang dalam kawasan sawah seluas 1.08 hektar di Seberang Perak itu bukan sebahagian daripada program SMART SBB.

"Sebaliknya ia adalah projek rintis melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan sebuah syarikat swasta bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

"Projek rintis ternakan udang itu bukan sebahagian program SMART SBB, justeru tidak timbul isu kerajaan mengubah strategi pelaksanaan SMART SBB dengan penternakan udang. MAFI berharap tiada pihak membuat sebarang kenyataan yang boleh mengelirukan pesawah.

"MAFI sentiasa bersedia mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak khususnya pesawah dan pemain industri, selain mengalu-alukan pandangan semua pihak berkepentingan dalam usaha memantapkan industri padi beras negara yang lebih kompetitif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa," kata kementerian itu.

Selasa lalu, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) mengeluarkan kenyataan meminta pesawah berfikir panjang mengenai penyertaan dalam Projek SMART SBB.

PeSAWAH dan FKMM mendakwa, pengurusan estet mengubah strategi sedia ada dengan mempromosi aktiviti penternakan udang secara integrasi bersama penanaman padi ketika belum setahun inisiatif SMART SBB dijalankan.

Kedua-dua pihak berkenaan juga mendakwa Projek SBB akan memberi kuasa kepada pengurusan estet untuk melaksanakan apa sahaja projek yang diinginkan di kawasan yang sudah dipajak atau miliki.

MAFI menjelaskan, SMART SBB yang mendapat persetujuan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) adalah antara inisiatif dirangka bagi mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Ia dilaksanakan jabatan dan agensi dibawah MAFI iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan IADA.

Pelaksanaan SMART SBB membabitkan pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan, menjadikan kepentingan serta kesejahteraan pesawah dalam sektor padi dan beras negara sebagai keutamaan MAFI.

"Usaha sama awam dan swasta membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi setiap tan setahun sehingga 191 peratus dan seterusnya menikmati nilai pendapatan tahunan sehingga 47 peratus.

"Malah, hampir semua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung pesawah akan dapat dikurangkan, sekali gus meningkatkan margin pendapatan mereka.

"Inisiatif ini juga membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden termasuk pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau 'Internet of Things' (IoT) selaras Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar," katanya.

Kata kementerian itu, MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa menjalankan pemantuan berterusan di lapangan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah yang menjadi kumpulan sasar utamanya.

"Bagi menjaga kepentingan semua pihak, MAFI sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan termasuk pesawah melalui jabatan dan agensi bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan secara efektif," kata kementerian itu lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

Prawn farming project at Felcra Seberang Perak not part of Smart SBB Programme-MAFI



05/08/2021 03:04 PM

PUTRAJAYA, Aug 5 – The giant freshwater prawn farming project in the padi fields at Felcra Seberang Perak, is not part of the the Large-scale Smart Padi Field Project (Smart SBB) said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).

‘Smart SBB and the prawn farming project in the padi fields are two different initiatives,’ MAFI said in a statement today while stressing that the Smart SBB implementation strategy has not changed.

Smart SBB is a large-scale padi field consolidation programme to increase productivity through optimal utilisation and efficient resource management as well as to increase farmers' income. It is a strategic collaboration between the public, private sectors and several leading companies.

According to MAFI, the 1.08-hectare giant prawn farming project is a pilot project through the cooperation of the Seberang Perak Integrated Agricultural Development Area (IADA) and a private company which aims to increase farmers' income as well as reap profits from padi cultivation.

MAFI was commenting on the statement by *Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia* (PeSAWAH) and Malaysian Food Security and Sovereignty Forum (FKMM) which had on Aug 3 rejected the Smart SBB programme.

PeSAWAH and FKMM also claimed that if the padi fields are turned into ponds for prawn cultivation this could invite other problems such as soil and water pollution, and the land would no longer be suitable as padi fields when the lease period ends.

MAFI said through Smart SBB, the farmers act as the government's main partners and the ministry would always hold engagement sessions with stakeholders to ensure that the initiative could be implemented effectively to achieve the desired objectives.

It added that Smart SBB would enable farmers to enjoy better yield by up to 191 per cent per tonne a year and annual income value of up to 47 per cent through an increase in the national average yield per hectare from the current average yield of 3.5 to 7.0 tonnes.

The initiative will also enable the implementation of new practices through modern agricultural concepts such as soil profiling system, smart farming, new technological methods or internet of things (IoT) in line with Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) to increase yields per hectare, it said.

The Smart SBB programme is implemented by departments and agencies under MAFI, namely the Department of Agriculture Malaysia (DOA), Farmers Organisation Authority (LPP), Muda Agricultural Development Authority (MADA), Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) and IADA which act as the programme coordinators.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Prawn farm project in Perak not part of smart paddy field programme



The giant freshwater prawn farming project in the padi fields at Felcra Seberang Perak, is not part of the large-scale Smart Paddy Field Project (Smart SBB) said the Agriculture and Food Industries Ministry.

In a statement today, it said they are "two different initiatives", stressing that the Smart SBB implementation strategy has not changed...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Projek udang di Felcra Seberang Perak bukan sebahagian Smart SBB



Projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di Felcra Seberang Perak, Perak bukan sebahagian daripada program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Smart SBB dan projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi itu merupakan dua inisiatif yang berbeza," kata MAFI dalam kenyataan hari ini serta

menegaskan strategi pelaksanaan Smart SBB tidak berubah.

Smart SBB adalah program penyatuan tanah sawah berskala besar bagi meningkatkan produktiviti sawah melalui pengurusan sumber secara optimum dan cekap serta meningkatkan pendapatan pesawah. Ia melibatkan kerjasama strategik sektor awam, swasta dan beberapa syarikat peneraju.

Menurut MAFI, projek ternakan udang galah seluas 1.08 hektar itu adalah projek rintis melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dan sebuah syarikat swasta yang bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

MAFI mengulas kenyataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) pada 3 Ogos yang [menolak rancangan Smart SBB](#).

PeSAWAH dan FKMM juga mendakwa sekiranya tanah sawah telah dijadikan kolam udang, ia akan membawa masalah lain seperti pencemaran tanah dan air, malah tidak sesuai lagi ditukar kembali kepada sawah apabila tempoh pajakan berakhir.

MAFI menjelaskan bahawa pelaksanaan Smart SBB melibatkan para pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan dengan kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif itu dapat dilaksanakan secara efektif dan mencapai objektif yang dihasratkan.

Menurut MAFI, Smart SBB akan membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per metrik tan setahun sehingga 191 peratus dan nilai pendapatan tahunan sehingga 47 peratus menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 metrik tan.

"Inisiatif itu juga akan membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar," menurut MAFI.

Program Smart SBB dilaksanakan oleh jabatan dan agensi MAFI iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga

Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan IADA selaku penyelaras dan pemantau program berkenaan.

- *Bernama*



06 AUG, 2021

Projek ternakan udang di FELCRA Seberang Perak bukan sebahagian Smart SBB

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Projek ternakan udang di FELCRA Seberang Perak bukan sebahagian Smart SBB

PUTRAJAYA: Projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di FELCRA Seberang Perak, Perak bukan sebahagian daripada program Smart Sawah Berskala Besar (SmartSBB), kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Smart SBB dan projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi itu merupakan dua inisiatif yang berbeza," kata MAFI dalam kenyataan semalam serta menegaskan strategi pelaksanaan SmartSBB tidak berubah.

Smart SBB adalah program penyatuan tanah sawah berskala besar bagi mening-

katkan produktiviti sawah melalui pengurusan sumber secara optimum dan cekap serta meningkatkan pendapatan pesawah. Ia melibatkan kerjasama strategik sektor awam, swasta dan beberapa syarikat peneraju.

Menurut MAFI, projek ternakan udang galah seluas 1.08 hektar itu adalah projek rintis melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dan sebuah syarikat swasta yang bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi.

MAFI mengulas ken-

yataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) pada 3 Ogos yang menolak rancangan Smart SBB.

PeSAWAH dan FKMM juga mendakwa sekiranya tanah sawah telah dijadikan kolam udang, ia akan membawa masalah lain seperti pencemaran tanah dan air, malah tidak sesuai lagi ditukar kembali kepada sawah apabila tempoh pajakan berakhir.

MAFI menjelaskan bahawa pelaksanaan SmartSBB melibatkan para pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan dengan Kementerian sentiasa

mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif itu dapat dilaksanakan secara efektif dan mencapai objektif yang dihasratkan.

Menurut MAFI, SmartSBB akan membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per tan metrik setahun selingga 191 peratus dan nilai pendapatan tahunan sehingga 47 peratus menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 tan metrik.

"Inisiatif itu juga akan membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden sep-

erti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar," menurut MAFI.

Program Smart SBB dilaksanakan oleh jabatan dan agensi MAFI iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan IADA selaku penyelaras dan pementau program berkenaan. — Bernama



06 AUG, 2021

Projek ternakan udang di FELCRA Seberang Perak bukan sebahagian Smart SBB

[Utusan Borneo Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di FELCRA Seberang Perak, Perak bukan sebahagian daripada program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). "Smart SBB dan projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi itu merupakan dua inisiatif yang berbeza," kata MAFI dalam kenyataan semalam serta menegaskan strategi pelaksanaan Smart SBB tidak berubah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Bernas komited perkasa industri padi, beras negara



PROGRAM Smart PBB di Sungai Batu Pahat

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menerusi program Smart Sawah Berskala Besar (Smart PBB) komited merangka hala tuju strategik bagi memperkasa industri padi dan beras negara.

Bernas dalam satu kenyataan memaklumkan, program itu seiring dengan matlamat kerajaan dalam meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara iaitu sebanyak 75 peratus.

Justeru, katanya, Bernas menyasarkan kawasan yang berproduktiviti rendah dengan mengunjurkan lonjakan hasil antara 40 hingga 60 peratus semusim di beberapa kawasan berpotensi yang dikenal pasti iaitu Batang Lupar, Sarawak; Sungai Batu Pahat, Perlis; Setiu, Terengganu dan Kampung Kulambai, Kota Belud, Sabah.

“Ketika ini, kerja-kerja pemulihan infrastruktur dan tanah serta penanaman padi sedang giat dilakukan. Semestinya cabaran ini memerlukan penelitian menyeluruh contohnya dalam membangunkan tanah sawah yang sudah lebih 10 tahun terbiar seperti di Sabah dan Perlis,” kata kenyataan itu.

Untuk rekod, Smart PBB adalah inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan memorandum persefahaman bersama Bernas pada awal tahun ini dan dilaksanakan bersama pengilang bumiputera.

Ia bertujuan menyatukan tanah sawah untuk membentuk sistem pengurusan ladang secara berpusat yang dapat mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran padi negara.

Smart PBB adalah kerjasamai antara Bernas dan agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Kata kenyataan itu lagi, Bernas bekerjasama dengan hampir 200 pesawah yang mendedahkan dengan teknik dan amalan pertanian bagi menguruskan sawah berskala besar.

Antara lain, Bernas juga mendedahkan penggunaan mekanisasi dan teknologi terkini atau Internet of Things (IoT) yang dapat memudahkan kerja perladangan serta mewujudkan sistem pertanian lebih terancang selain menjimatkan kos penanaman dan memperoleh hasil tuaian yang baik.

“Penglibatan pesawah yang merupakan elemen penting dalam program ini turut menunjukkan angka memberangsangkan. Mereka amat komited dan berdisiplin dalam mengikuti jadual kerja ladang yang ditetapkan.

**“Sebagai syarikat peneraju Smart PBB, Bernas sentiasa menyokong terhadap pesawah melalui pelbagai saluran perkongsian ilmu pengetahuan bagi memacu kejayaan mereka,” katanya. –
UTUSAN ONLINE**

Headline	Sabah developing Large-Scale Smart Paddy programme		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	06 Aug 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 1,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,410



ஸ்மார்ட் நெல் வயல் திட்டத்தை உருவாக்குகின்றது சபா



கோத்தா கினபாலு, ஆக. 6- நாட்டின் நெல் மற்றும் அரிசித் தொழிலை வலுப்படுத்துவதற்கான ஒரு பெரிய அளவிலான ஸ்மார்ட் நெல் வயல் (SBB) திட்டத்தை உருவாக்க பெர்னாஸ் தேர்வு செய்த நான்கு மாநிலங்களில் சபாவும் ஒன்றாகும்.

சபாவில் கம்போங் குளம்பாய், கோத்தா பெலோட் ஆகிய இடங்களிலும் சரவாக்கில் பாதாங் லூபார், பெர்லீவில் சுங்கை பத்து பாஹாட் திரெங்கானுவில் செத்தியூ ஆகிய இடங்களில் இந்த திட்டம் மேற்கொள்ளப்படும் என்று பெர்னாஸ் நேற்று ஓர் அறிக்கையில் அறிவித்துள்ளது.

“SMART SBB எனும் திட்டமானது நாட்டின் அரிசி சவிகிதத்தை 75 சதவிகிதமாக உயர்த்துவதற்கான அரசாங்கத்தின் குறிக்கோளுக்கு ஏற்ப உள்ளது. மேலும், இத்திட்டம் பெர்னாஸ் மற்றும் வேளாண் மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சகம் (MAFI) இடையே கையெழுத்திடப்பட்ட புரிந்துணர்வு ஒப்பந்தத்துடன் தொடங்கியது.

“மையப்படுத்தப்பட்ட தோட்ட மேலாண்மை அமைப்பை உருவாக்க நெல் நிலத்தை

ஒருங்கிணைப்பதற்கான MAFI இன் முயற்சிகளில் இதுவும் ஒன்றாகும். இந்த மையப்படுத்தப்பட்ட அமைப்பு தற்போதுள்ள வளங்களின் பயன்பாட்டை மேம்படுத்தவும், நாட்டில் சாகுபடி நடவடிக்கைகள் மற்றும் நெல் உற்பத்தியின் செயல்திறனை அதிகரிக்கவும் உதவும்.

“விரிவான அனுபவம் மற்றும் தொழில்துறையில் வலுவான நெட்வொர்க் கொண்ட ஒரு நிறுவனமாக, பெர்னாஸ் இத்திட்டத்தை செயல்படுத்த ஒரு பருவத்திற்கு 40 முதல் 60 சதவீதம் வரை வருவாய் அதிகரிப்புகளை கொண்ட பகுதிகளை இலக்காகக் கொண்டுள்ளது” என்று பெர்னாஸ் அந்த அறிக்கையில் அறிவித்திருந்தது.

பெர்னாஸின் கூற்றுப்படி, இத்திட்டம் நீர்ப்பாசன மற்றும் வடிகால் துறை, சபா வேளாண் துறை, சபா வேளாண் மேம்பாட்டு பகுதி போன்ற பிற நிறுவனங்களுக்கு இடையே மேற்கொள்ளப்படுகின்றது.

இதற்கிடையில், சபா மற்றும் சரவாக்கில் 10 ஆண்டுகளுக்கும் மேலாக காலியாக உள்ள

நிலங்களை பயன்படுத்தி நெல் நிறுவனங்களை அமைக்க பெர்னாஸ் இலக்கு வைத்துள்ளது.

பெர்னாஸ் ஏற்க்குறைய 200 விவசாயிகளுடன் பணியாற்றி வருகின்றது. மேலும் பெரிய நெல் வயல்களை நிர்வகிப்பதற்கான நல்ல விவசாய நுட்பங்கள், நடைமுறைகள், இயந்திரமயமாக்கல், ஒழுங்கமைக்கப்பட்ட விவசாய முறைகள் ஆகிய திறங்களை பயன்படுத்தி வருகின்றது.

“இத்திட்டம் ஒரு நல்ல அறுவடையைப் பெற விவசாயிகளுக்கு உதவுவதோடு மட்டுமல்லாமல், ஒட்டுமொத்தமாக நடவடிக்கை செலவையும் மிச்சப்படுத்தும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகின்றது” என்று பெர்னாஸ் அந்த அறிக்கையில் மேலும் தெரிவித்தது.

பெர்னாஸ் எப்போதும் விவசாயிகளின் வெற்றிக்காக பல்வேறு திட்டங்களை செயல்படுத்தி வருகின்றது என்பது குறிப்பிடத்தக்கது.

Projek ternakan udang galah bukan sebahagian program SMART SBB

PUTRAJAYA - Projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di Felcra Seberang Perak di negeri Perak bukan sebahagian daripada program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

MAFI dalam kenyataan pada Khamis berkata, SMART SBB dan projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi itu merupakan dua inisiatif yang berbeza.

Kementerian itu turut menegaskan bahawa strategi pelaksanaan SMART SBB tidak berubah.

"SMART SBB adalah program penyatuatan tanah sawah berskala besar bagi meningkatkan produktiviti sawah melalui pengurusan sumber secara optimum dan cekap serta meningkatkan pendapatan pesawah.

"Ia melibatkan kerjasama strategik sektor awam, swasta dan beberapa syarikat peneraju.

"Projek ternakan udang galah seluas 1.08 hektar itu adalah projek rintis melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dan sebuah syarikat swasta yang bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah selain menikmati hasil daripada penanaman padi," menurut kenyataan tersebut.

MAFI mengulas kenyataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) pada 3 Ogos yang menolak rancangan SMART SBB.

PeSAWAH dan FKMM juga mendakwa sekiranya tanah sawah telah dijadikan kolam udang, ia akan membawa masalah lain seperti pencemaran tanah dan air, malah tidak sesuai lagi ditukar kembali kepada sawah apabila tempoh pajakan berakhir.

MAFI menjelaskan bahawa pelaksanaan SMART SBB me-



SMART SBB Bernas membantu meningkatkan margin pendapatan pesawah.

libatkan pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan dan Kementerian Sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif berkenaan dapat dilaksanakan secara efektif dan mencapai objektif yang dihasratkan.

Sementara itu, MAFI berkata, pihaknya akan mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam

kan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per hektar setahun sehingga 191 peratus dengan nilai pendapatan tahunan sebanyak 47 peratus.

"Pertambahan nilai pendapatan ini menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 ke-pada 7.0 metrik tan.

"Malah, hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung pesawah akan dapat dikurangkan, sekali gus meningkatkan margin pendapatan mereka," jelas MAFI.

Menurut kenyataan itu lagi, inisiatif tersebut membolehkan pelaksanaan pendekatan baharu melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi baharu atau *Internet of Things* (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar.

tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menerusi SMART SBB.

Menurutnya, terdapat beberapa jabatan dan agensi di bawah MAFI yang akan bertindak sebagai pemantau program dan aktiviti dalam melaksanakan dasar kerajaan serta menyediakan khidmat pengembangan kepada pesawah.

"Usaha sama sektor awam dan swasta juga akan membole-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	KOSMO	NEGARA	13



PESAWAH melihat hasil padi yang telah dituai di Kampung Padang Luar, Alor Setar Februari lalu.

Smart SBB tingkat 191 peratus hasil padi

Oleh **ZULKIFLI MANZOR**

PETALING JAYA – Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) membolehkan pesawah menikmati peningkatan hasil padi per metrik tan sehingga 191 peratus setahun.

Ia bermakna nilai pendapatan tahunan pesawah turut meningkat sehingga 47 peratus menerusi peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 kepada 7.0 metrik tan.

Malah hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung pesawah dapat dikurangkan sekali gus meningkatkan margin pendapatan pesawah.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan berkata, Smart SBB juga membolehkan pelaksanaan konsep pertanian moden seperti sistem profil tanah, pertanian pintar, kaedah teknologi

baharu atau Internet of Things (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk meningkatkan hasil per hektar

"Masalah pemutuan sebanyak dua kali di kawasan yang mempunyai pusat belian padi dan menyebabkan kadar pemutuan yang tinggi juga dapat dielakkan melalui inisiatif Smart SBB," kata kenyataan itu semalam.

Kata MAFI, pelaksanaan Smart SBB akan turut menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah yang mengaut keuntungan atas angin dengan mengenakan caj perkhidmatan tinggi kepada pesawah.

Menurut kenyataan itu, MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa menjalankan pemantuan berterusan di lapangan bagi menjaga kebajikan para pesawah.

Justeru, kata kenyataan itu, MAFI berharap tiada pihak membuat sebarang kenyataan yang boleh kelirukan pesawah menge-

nai Smart SBB Dalam usaha memantapkan industri padi beras.

"MAFI merujuk kepada kenyataan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) pada 3 Ogos 2021 bertajuk 'Projek Estet Smart SBB: Pesawah disaran berfikir panjang dan tolak'.

"Smart SBB dan projek rintisan ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi di kawasan Felcra Seberang Perak merupakan dua inisiatif yang berbeza," kata kenyataan itu.

Tambah MAFI, projek ternakan udang galah dalam kawasan sawah padi seluas 1.08 hektar di kawasan Felcra Seberang Perak adalah projek rintisan melalui kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan sebuah syarikat swasta.

Jelas kenyataan itu, inisiatif tersebut bukan sebahagian program SMART SBB.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	VAKSIN UNTUK RAKYAT	10

Daging kerbau India negatif virus Covid-19

KUALA LUMPUR - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan bahawa sampel daging kerbau yang diimport dari India dalam tempoh Januari hingga Julai tahun ini, didapati bebas daripada virus Covid-19.

Menurut JPV, jabatan itu telah melaksanakan program pemantauan dan pengawasan sejak Covid-19 menular dalam negara, bermula tahun lepas.

telah dikumpul dan didapati negatif daripada virus itu.

"Setelah tiada virus Covid-19 dikesan pada daging kerbau yang diimport dari India, JPV tidak akan mengenakan sekatan import untuk daging kerbau sejuk beku," menurut JPV menerusi e-mel pada Rabu.

JPV juga mempunyai sistem yang teratur mengenai prosedur kelulusan pengimportan daging sejuk beku yang turut melibatkan daging kerbau India yang akan dibawa masuk ke negara ini.

Justeru, jabatan menasihatkan orang ramai agar tidak bimbang dengan keselamatan daging

kerbau sejuk beku yang diimport kerana daging itu diperolehi daripada rumah sembelihan yang telah mendapat kelulusan kerajaan Malaysia selain pusat pengeluaran daging dipantau rapi oleh pihak berkuasa negara pengeksport produk tersebut. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Buah-buahan untuk petugas barisan hadapan



Pegawai FAMA Daerah Bera, Hazimin Sulong (kanan) menyerahkan sebanyak 390 kilogram buah-buahan bermusim kepada Pengurus Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Konvensyen MDR, Dr Aidil Asyraf Mohamed untuk diagihkan kepada petugas di PPV berkenaan. - Foto/Mohd Rafi Mamat

BERA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Pahang menyumbangkan sebanyak 390 kilogram pelbagai jenis buah-buahan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera (MDB), di sini, semalam.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan, berkata, ini kali pertama pihaknya terbabit menguruskan sumbangan buah-buahan bermusim kepada petugas barisan hadapan di negeri ini yang terdiri daripada doktor, pegawai perubatan, jururawat dan sukarelawan.

Katanya, sebanyak 50 kilogram (kg) buah durian jenis kampung, 100kg timun dan 120kg rambutan serta 1120kg manggis diserahkan kepada petugas PPV berkenaan,

"Usaha ini sebagai menghargai jasa petugas barisan hadapan yang banyak berkorban dalam memastikan wabak COVID-19 tidak terus menular dalam kalangan masyarakat di daerah ini. Kita mendoakan supaya mereka terus dilindungi seterusnya dapat terus memikul tugas yang diamanahkan," katanya kepada BH di sini, semalam.

Majlis penyerahan buah-buahan musim itu dilakukan, Pegawai FAMA Daerah Bera, Hazimin Sulong kepada Pengurus PPV Dewan Konvensyen MDR, Dr Aidil Asyraf Mohamed.

Dr Aidil Asyraf berkata, lebih 50 kakitangan Kementerian Kesihatan(KKM) dan sukarelawan bertugas di PPV itu setiap hari bagi melaksanakan pemberian vaksin COVID-19 kepada masyarakat setempat.

Teknologi perkasa sektor pertanian

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) komited dalam memastikan sektor pertanian menjadi lebih dinamik, inovatif, kompetitif serta menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

Pengerusi LPP, Dr. Nik

Muhammad Zawawi Salleh

berkata, usaha itu juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian yang lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan memberi kesejahteraan kepada rakyat negara ini.

Katanya, sempena

Pengaturan Hari Peladang,

Penternak dan Nelayan yang

ke-46 tahun ini, negara juga

amat bersyukur dan bertuah

kerana bekalan makanan sentiasa

stabil dan terjamin meskipun

sedang berdepan dengan wabak

pandemik Covid-19.

"Adalah menjadi hasrat

kerajaan untuk melihat

aktiviti pertanian dan industri

agromakanan diusahakan rakyat

secara bersepadu, dikomersialkan

serta menjadi sumber

pendapatan utama sekali gus

dapat meningkatkan pendapatan negara.

"Justeru, dalam sektor

pertanian, LPP amat

menitikberatkan penggunaan

teknologi dalam kalangan

peladang kerana bukan

sahaja memudahkan, malah

meningkatkan kecekapan dan

hasil," katanya.

Nik Muhammad Zawawi

berkata, penggunaan teknologi

dalam bidang pertanian telah

menjadikan pekerjaan tersebut

bukan lagi dikategorikan sebagai

3D (*Dirty, Dangerous and*

Difficult).

"Teknologi kejuruteraan

ladang yang semakin moden

dan dinamik untuk pesawah

adalah salah satu inisiatif

untuk memudahkan petani

meningkatkan pengeluaran hasil

padi."

"LPP sentiasa menyokong

penggunaan teknologi melalui

galakan dan pendedahan

teknologi baharu dengan

menjalin kerjasama bersama

jabatan dan agensi lain agar

golongan peladang memperoleh

input serta perkhidmatan yang

terbaik," ujarnya.

Tambah beliau, tarikh 6 Ogos



NIK MUHAMMAD ZAWAWI menyembur racun serangga di salah satu tapak semaian ketika melawat LPP Terengganu.

yang diisytiharkan sebagai Hari

Peladang, Penternak dan Nelayan

sudah pasti dihayati setiap

tahun bagi memberi semangat

kepada golongan tersebut kerana

ia adalah tanda penghargaan

kepada mereka yang menceburi

bidang pertanian serta industri

agromakanan.

Bagi menyokong agenda

digitalisasi itu juga, Perdana

Menteri, Tan Sri Muhyiddin

menyokong perubahan yang berlaku di Era IR 4.0 di mana kaedah teknologi moden termasuk penggunaan *Internet of Thing* (IoT), teknologi pendigitalan dan teknologi kejenteraan yang diperkenalkan dalam pengeluaran agro makanan," katanya.

Sehubungan itu, Nik

Muhammad Zawawi turut

menyeru kepada seluruh warga

peladang, penternak dan nelayan

agar terus cakna dan haruslah

menyesuaikan diri dengan

perubahan yang berlaku pada

masa kini dalam mengguna pakai

teknologi digital, kejenteraan

moden, inovasi baharu dan lain-

lain kemudahan yang disediakan

kerajaan demi meningkatkan

pendapatan selain menyumbang

kepada ekonomi dan menjamin

kecukupan bekalan makanan

negara.

Katanya, para peladang,

penternak dan nelayan diharapkan

terus melipat gandakan usaha

untuk melorjakkkan sektor

pertanian ke arah lebih berdaya

maju dan dapat menjamin

kelangsungan hidup walaupun

pada masa krisis seperti bencana

dan perularan wabak Covid-19.

Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Ke-46

Industri pertanian lestari pemangkin ekonomi



Teknologi pendigitalan, kejenteraan pacu pengeluaran agromakanan

Tanggal 6 Ogos diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan kepada warga peladang, penternak serta nelayan di seluruh negara.

Perayaan sambutan Hari Peladang Kebangsaan yang pertama diadakan pada 1975 di pekaraangan Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Kini, saban tahun sambutan hari istimewa itu diingat dan diraikan sebagai menghargai jejak payah mereka yang berusaha mengeluarkan bahan makanan dan memajukan sektor pertanian negara ini.

Tahun ini adalah kali ke-46, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan disambut pada tarikh ke-ramat itu.

Selain pengiktirafan, ia turut membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap daya usaha dan kegigihan peladang, penternak serta nelayan memainkan peranan mereka memacu pelbagai aktiviti demi pengeluaran bahan makanan serta memudahkan sektor pertanian Malaysia.

Walaupun Malaysia berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, kita amat bersyukur dan bertuah kerana bekalan makanan negara ini sentiasa stabil dan terjamin.

Keringat yang mengalir, usaha dan bakti dicurahkan peladang,

penternak dan nelayan dihargai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang sentiasa ke hadapan bagi memastikan sektor pertanian menjadi lebih dinamik, inovatif dan kompetitif.

Selain dapat terus menyumbang secara positif kepada ekonomi negara, ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan memberi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat aktiviti pertanian dan industri makanan diusahakan rakyat secara bersepadu, dikomersialkan serta menjadi sumber pendapatan utama, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan negara.

Beliau berkata, dalam sektor pertanian, LPP amat menitikberatkan penggunaan teknologi dalam kalangan masyarakat peladang kerana ia menjadikan pertanian lebih mudah, meningkatkan kecekapan dan hasil.

"Penggunaan teknologi menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

"Teknologi kejuruteraan ladang yang semakin moden dan dinamik untuk pesawah adalah salah satu inisiatif untuk memudahkan usaha bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi di Malaysia.

"LPP sentiasa menyokong penggunaan teknologi melalui galakan dan pendedahan teknologi baharu dengan bekerjasama jabatan dan agensi lain serta ber-

matlamat, golongan peladang mendapat input dan perkhidmatan yang terbaik.

"Saya percaya, tarikh 6 Ogos dihayati pada setiap tahun untuk memberi semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana ia tanda penghargaan kepada mereka yang telah membabitkan diri dalam bidang pertanian dan industri agromakanan," katanya.

● Teknologi tingkatkan hasil

Nik Muhammad berkata, bagi membantu masyarakat peladang, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin bagi memperkasa industri pertanian dan agromakanan.

Katanya, menerusi pakej rangsangan itu setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah menerima peruntukan maksimum sehingga

RM200,000 bagi setiap permohonan untuk memberi faedah kepada ahli Pertubuhan Peladang.

"Dengan sokongan penuh kerajaan, warga peladang, penternak dan nelayan diharap dapat memanfaatkan segala kemudahan serta bantuan disediakan kerajaan untuk mengubah industri agromakanan ini berkonsepkan pemodenan dan teknologi," katanya.

Beliau berkata, LPP akan sentiasa menyokong perubahan yang berlaku pada era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) di mana kaedah teknologi moden, termasuk penggunaan *Internet Of Thing*, teknologi pendigitalan dan kejenteraan diperkenalkan dalam pengeluaran agromakanan.

Katanya, industri lepas tuai, peruncitan serta penderangan ini dijangka dapat menjamin indus-



Lawatan Kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khandee ke Projek Usahawan Rock Melon Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya.



Peningkatan pengeluaran pekebun yang berkualiti dapat menampung keperluan permintaan yang semakin meningkat.

tri agromakanan terus berkembang dan lebih kompetitif, efektif, berkualiti selain dapat meningkatkan hasil serta memberi pulangan lumayan.

"Namun segala inisiatif yang disusun harus sentiasa disambungkan dan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh warga peladang agar usaha menaik taraf sosioekonomi golongan ini dapat terus diperkasakan bagi menjamin masa depan.

"Saya menyeru kepada seluruh warga peladang, penternak dan nelayan agar terus cakna serta menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku pada masa kini dalam mengguna pakai teknologi digital, kejenteraan moden, inovasi baharu dan lain-lain kemudian disedakakan kerajaan. Ia demi meningkatkan pendapatan selain menyumbang kepada ekonomi dan menjamin kecukupan bekalan makanan negara.

"Harapan saya, agar mereka terus melipat gandakan usaha untuk melonjakkan sektor pertanian negara ke arah yang lebih berdaya maju dan dapat menjamin kelangsungan hidup walaupun pada masa krisis seperti bencana dan pandemik Covid-19.

"Kerajaan pada hari ini, amat menghargai usaha dan pengorbanan masyarakat peladang, penternak serta nelayan dalam memartabatkan industri agromakanan negara yang berteknologi, inovatif dan moden," katanya.

● Hikmah di sebalik COVID-19

Sementara itu, Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim, berkata peruntukan Dana Khas Pertubuhan Peladang berjumlah kira-kira RM39.56 juta telah disalurkan bagi 467 projek untuk

manfaat 1200 peserta pertubuhan peladang seluruh negara.

Beliau berkata, sebanyak RM23 juta melalui Peruntukan Akaun Khas LPP yang membabitkan Program/Pakej Dana Jaminan Makanan telah disalurkan untuk Projek Pertanian Organik yang membabitkan 460 projek dan seramai 1,427 peserta.

Beliau berkata, Program/Pakej Projek Ladang E-Satelit pula memperuntukkan sebanyak RM10 juta dan membabitkan 276 projek terpilih.

"Peruntukan Akaun Khas LPP di bawah Program/Pakej Dana Jaminan Makanan adalah penting kerana ia bertujuan bagi memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi serta akan dapat membantu kelangsungan rantaian makanan negara.

"Sebanyak RM2 juta juga telah diperuntukkan bagi Program Menaiktarafkan dan Tambah Hayat Mekanisasi Ladang yang membabitkan 19 projek Pertubuhan Peladang dan turut memberi khidmat kejuruteraan kepada ahlinya.

"Sementara itu, bagi peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan sebanyak RM10 juta telah disalurkan kepada 62 projek yang terpilih. Begitu juga Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) ia adalah bertujuan bagi kelangsungan pergerakan pertubuhan peladang dan ahlinya.

"Pada masa sama, ia akan menaik taraf dan menambah hayat mekanisasi ladang yang sedia ada sekali gus dapat memastikan keperluan jentera adalah mencukupi supaya dapat meningkatkan hasil keluaran ahli peladang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE-46	5



SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE 46

Daripada

**AHLI JEMAAH PENGARAH & PENGURUSAN NAFAS,
14 BUAH PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN) &
279 BUAH PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
SELURUH NEGARA**



www.nafas.com.my



@nafashq | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE-46	6



Ke arah industri pertanian lestari

Penggunaan teknologi baharu jadi teras LPP



YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH, PENGERUSI, LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Menjadi hasrat kerajaan untuk melihat aktiviti pertanian dan industri makanan diusahakan rakyat secara bersepadu, dikomersialkan serta menjadi sumber pendapatan utama, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan negara."

Walaupun Malaysia berhadapan dengan krisis Pandemik Covid-19, namun kita amat bertuah dan bersyukur kerana bekalan makanan negara sentiasa stabil dan terjamin.

Sebagai tanda penghargaan di atas jerih payah golongan peladang, penternak dan nelayan, tarikh 6 Ogos tidak pernah dilupakan.

Setiap tahun pada tarikh ini telah diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara.

Pada tahun 1975, perayaan sambutan tersebut telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak Hussein di pekarangan Parlimen.

2021 merupakan tahun ke-46 penganjurannya. Pengiktirafan itu membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap usaha peladang, penternak dan

nelayan memainkan peranan memacu pelbagai aktiviti demi pengeluaran bahan makanan serta memudahkan sektor pertanian Malaysia.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa ke hadapan bagi memastikan sektor pertanian menjadi sektor yang lebih dinamik, inovatif, kompetitif dan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

"Ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian yang lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan memberi kesejahteraan rakyat Malaysia."

"Menjadi hasrat kerajaan untuk melihat aktiviti pertanian dan industri makanan diusahakan rakyat secara bersepadu, dikomersialkan serta menjadi sumber pendapatan utama, sekali gus dapat

meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata dalam sektor pertanian LPP sangat memihak beratkan penggunaan teknologi kepada masyarakat peladang.

Penggunaan teknologi menjadikan pertanian lebih mudah, meningkatkan kecekapan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil. Malah, penggunaan teknologi juga menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D (Dirty, Dangerous and Difficult).

Teknologi kejuruteraan ladang yang semakin moden dan dinamik untuk pesawah adalah salah satu inisiatif untuk memudahkan petani meningkatkan pengeluaran hasil padi di Malaysia.

"LPP sentiasa menyokong penggunaan teknologi melalui galakan dan pendediaan teknologi baharu dengan kerjasama jabatan dan agensi lain serta bermatlamat golongan



Sesi Lawatan Kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee Ies Projek Usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat.



Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat turut dilawati pada sesi Lawatan Kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2021	SINAR HARIAN	SELAMAT MENYAMBUT HPPNK KE 46	7

SELAMAT MENYAMBUT 6 OGOS HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE 46



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee mengadakan lawatan kerja ka Pertubuhan Peladang Kawasan Bemam Jaya.



Program Agroprenuer Muda Negeri Melaka diberikan dengan kehadiran Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah.



Majlis pelancaran Peladang Outlet (PO) Pertubuhan Peladang Kawasan Kluang.

peladang mendapat input dan perkhidmatan yang terbaik.

"Saya percaya tarikh 6 Ogos dihayati pada setiap tahun untuk memberi semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana ia adalah tanda penghargaan kepada mereka yang telah menceburi dalam bidang pertanian dan industri agromakanan," jelasnya.

Teknologi tingkatkan hasil pertanian

Demi membantu masyarakat peladang, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin bagi memperkasa industri agromakanan.

Setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan menerima peruntukan sehingga maksimum sebanyak RM200,000 bagi setiap permohonan untuk memberi faedah kepada ahli Pertubuhan Peladang.

LPP akan sentiasa menyokong perubahan era IR 4.0 di mana kaedah teknologi moden termasuk penggunaan 'Internet Of Thing (IoT)', teknologi pendigitalan dan teknologi kejenteraan diperkenalkan dalam pengeluaran agromakanan.

Industri lepas tuai, peruncitan serta pengedaran ini dijangka dapat menjamin industri agromakanan terus berkembang serta lebih kompetitif, efektif, berkualiti

dan dapat meningkatkan hasil dan memberi pulangan yang lumayan.

Namun, segala inisiatif yang disusun harus sentiasa disambut dan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh warga peladang agar usaha menaik taraf sosio-ekonomi golongan ini dapat terus diperkasakan bagi menjamin masa depan.

"Saya ingin menyeru kepada seluruh warga peladang, penternak dan nelayan agar terus cakna dan haruslah menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku pada masa kini."

"Guna pakailah teknologi digital, kejenteraan moden, inovasi baru dan lain-lain kemudahan yang disediakan kerajaan demi meningkatkan pendapatan selain menyumbang kepada ekonomi dan menjamin kecukupan bekalan makanan negara."

"Harapan saya, kepada para peladang, penternak dan nelayan agar terus melipat gandakan usaha untuk melonjakkan sektor pertanian negara ke arah yang lebih berdaya maju dan dapat menjamin kelangsungan hidup walaupun pada masa krisis."

"Sesungguhnya kerajaan pada hari ini amat menghargai usaha dan pengorbanan masyarakat peladang, penternak dan nelayan dalam memartabatkan industri agromakanan negara yang berteknologi, inovatif dan moden," katanya.

Hikmah di sebalik Covid-19

Sebanyak RM23 juta melalui Peruntukan Akaun Khas LPP di bawah Program/Pakej Dana Jaminan Makanan telah disalurkan untuk Projek Pertanian Organik yang melibatkan 460 bilangan projek dan seramai 1,427 peserta.

Program/Pakej Projek Ladang E-Satelit turut menerima peruntukan sebanyak RM10 juta yang melibatkan sebanyak 276 projek terpilih.

Menurut Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim, peruntukan Akaun Khas LPP di bawah Program/Pakej Dana Jaminan Makanan adalah penting kerana ia bertujuan bagi memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi serta akan dapat membantu rantaian makanan negara.

Sebanyak RM2 juta telah diperuntukan bagi Program Menaiktarakan dan Tambah Hayat Mekanisasi Ladang yang melibatkan 19 bilangan projek Pertubuhan Peladang dan turut memberi khidmat kejuruteraan kepada ahli Pertubuhan Peladang.

Melalui Pakej PRE PRIHATIN, sejumlah RM39.56 juta disalurkan melalui Dana Khas Agromakanan Pertubuhan Peladang melibatkan sebanyak 467 bilangan projek dan kira-kira 1,120 peserta.

Sementara itu, sebanyak RM10 juta telah disalurkan kepada 62 projek yang terpilih di bawah program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan.

"Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) ini bertujuan demi kelangsungan pergerakan Pertubuhan Peladang dan ahli Peladang.

"Pada masa yang sama ia akan menaik taraf dan menambah hayat mekanisasi ladang sedia ada sekali gus dapat memastikan keperluan jentera mencukupi supaya dapat meningkatkan hasil keluaran ahli peladang," jelasnya.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE)

<p>RM23 juta untuk Projek Pertanian Organik</p> <ul style="list-style-type: none"> • 460 bilangan projek • 1,427 peserta 	<p>RM10 juta untuk Program/Pakej Projek Ladang E-Satelit</p> <ul style="list-style-type: none"> • 276 projek terpilih 	<p>RM2 juta untuk Program Menaiktarakan & Tambah Hayat Mekanisasi Ladang</p> <ul style="list-style-type: none"> • 19 bilangan projek
<p>RM39.56 juta untuk Dana Khas Agromakanan Pertubuhan Peladang</p> <ul style="list-style-type: none"> • 467 bilangan projek • 1,120 peserta 	<p>RM10 juta untuk Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • 62 projek terpilih 	

6/8/2021

UTUSAN

DALAM

26

MALAYSIA

NEGERI

Pekebun pisang terbeban

Oleh **MOHD. RIFAAT
ABD. HAMID**

utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Seramai 40 penanam pisang di Kampung Bukit Larek dan Kampung Apil di sini mendakwa mereka semakin terbeban dengan kenaikan harga baja dan racun di pasaran sejak dua minggu lalu.

Kenaikan harga baja dan racun itu juga menyebabkan terdapat dalam kalangan penanam pisang terbabit tidak meneruskan aktiviti pertanian tersebut.

Pada masa sama, sebahagian daripada mereka tidak mendapat bantuan baja dan racun daripada agensi terlibat kerana tidak memenuhi syarat.

Seorang penanam pisang, **Mohd. Nasir Abd. Ghani**, 49, dari Kampung Bukit Larek berkata, kos menanam pisang semakin meningkat berikutan kenaikan harga baja dan racun di pasaran.

"Keadaan tersebut menyebabkan terdapat dalam kalangan penanam pisang itu terpaksa bergadaai untuk membeli input pertanian tersebut sebelum hasil tanaman dikeluarkan hasil.

"Saya pula tidak menerima bantuan input pertanian itu ke-

kini dijual dengan berharga RM75 dan sebelum ini dijual se-murah RM50.

"Saya terpaksa mengguna baja sebanyak lima kampit untuk tanaman pisang seluas 0.4 hektar manakala racun sebanyak 12 liter bagi keluasan yang sama," katanya.

Seorang lagi penanam pi-sang, **Mohd. Shukri Che Had**, 47, dari Kampung Apil berkata, walaupun dia menanam pisang di kawasan seluas 1.5 hektar, tetapi hanya mampu membeli baja sebanyak 10 kampit seta-hun kerana harganya yang se-makin mahal.

Katanya, dia merupakan pe-nanam pisang yang mendapat bantuan baja, namun terhad dan terpaksa membeli sendiri untuk menampung keperluan.

"Walaupun saya mendapat bantuan baja, tetapi masih per-lu mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membeli input pertanian tersebut," katanya.

Sementara itu, Ahli Parli-ment Pokok Sena, **Datuk Mahfuz Omar** ketika dihubungi meng-harapkan Jabatan Pertanian da-pat memberi bantuan baja dan racun secukupnya kepada pe-nanam pisang untuk memban-tu meningkatkan pendapatan mereka.



SOLEH Ismail menabur baja di kebun pisangnya di **Kampung Apil, Pokok Sena, Alor Setar semalam.** - **UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**

baja 50 kilogram (kg) sekarang di-jual pada harga RM155 berbanding sebelum ini RM130.

Katanya, sebotol racun yang mengandungi empat liter pula



SELAIN bayam dan sawi, kangkung juga merupakan antara sayur yang sering mendapat permintaan tinggi daripada kalangan pelanggannya.

TNO Agro lebar empayar tanaman sayur di sebalik

Hikmah berbudi kepada

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
gayautusan@mediamula.com.my

SEMASA mula-mula menamatkan pengajiannya dalam bidang diploma kira-kira tiga tahun yang lalu, Mohd. Naim Othman, 23, tidak pernah terfikir untuk menjadi pekebun sayur sepenuh masa walaupun mininati bidang itu sejak kecil.

Apatah lagi ramai dalam kalangan bekas rakan sekuliahnya ketika itu beroleh pelbagai peluang pekerjaan yang menarik dengan pendapatan tetap seperti pegawai bank dan sebagainya.

Enggan menunggu lama untuk memulakan kerjaya pertamanya, lepasan Diploma Pengurusan Perniagaan itu kemudian mengambil keputusan pulang ke kampung halamannya di Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

"Mula-mula saya bela ayam. Bila bisnes ayam kurang menjadi, barulah saya beralih kepada tanaman sayur pula.

"Minat tu memang dah ada. Tambahan pula ayah saya juga adalah seorang pekebun sayur. Jadi, mudahlah untuk saya bertahan dalam bidang ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Ketika ini, Mohd. Naim aktif mengusahakan pelbagai



MOHD. Naim Othman memastikan hanya sayur-sayuran yang berkualiti dan segar sahaja dijual kepada pelanggan.
- UTUSAN/ISWAN SHAFIQ ISA

jenis tanaman sayur seperti sawi, bayam dan kangkung tidak jauh dari rumahnya di atas tanah yang berkeluasan kira-kira 1.2 hektar.

Selain tanaman biasa, pemuda ini turut menggunakan kaedah tanaman berpara untuk mendapatkan hasil sayur-sayuran terutamanya seperti sawi yang lebih berkualiti tinggi.

Bagaimanapun kata Mohd. Naim, kaedah tanaman itu sebenarnya lebih mahal daripada tanaman jenis hidroponik dan ia pastinya

tidak dapat dilaksanakan dalam skala yang besar.

"Bayangkan, untuk membina rangkanya sahaja sudah memakan modal sehingga lebih RM1,000. Jadi, kebanyakan bahan binaannya saya gunakan barangan terpakai kecuali di bahagian bumbung dan jaring," katanya yang menanam sehingga 150 pokok anak sawi pada satu-satu masa dengan menggunakan kaedah tanaman itu ketika ini.

Seperti usahawan lain, pandemik Covid-19 juga banyak merencatkan



wabak Covid-19

tanah



perancangan Mohd. Naim untuk mengukuhkan empayar perniagaan sayur-sayuran menerusi syarikat yang diberi nama TNO Agro.

Ujar pemuda itu, walaupun permintaan terhadap sayur-sayuran sentiasa ada ketika ini, namun dia terpaksa memikirkan kaedah baharu untuk meningkatkan hasil tanamannya dari semasa ke semasa.

"Dahulu iaitu sebelum kemunculan Covid-19, saya mampu untuk hasilkan sehingga setengah tan (500



Minat tu memang dah ada. Tambahan pula ayah saya juga adalah seorang pekebun sayur. Jadi, mudahlah untuk saya bertahan dalam bidang ini."

kilogram) sayur dalam masa sehari dengan bantuan dua pekerja.

"Tapi sekarang, nak dapat 200 hingga 300kg pun agak perit. Ini antara cabarannya kerana kita tidak mampu untuk memenuhi kehendak pasaran semasa," katanya yang memulakan perniagaan itu dengan modal sendiri sehingga mencecah RM50,000.

Selain masalah cuaca yang tidak menentu terutamanya hujan lebat, serangga perosak juga menjadi ancaman utama terhadap sayur-sayuran yang ditanamnya.

"Masalah serangga itu adalah biasa bagi seorang pekebun sayur dan saya biasanya akan menyembur racun kira-kira tiga kali dalam seminggu untuk mengatasi masalah berkenaan," katanya yang hampir setiap hari menghabiskan masa di kebun sayurinya.

Ketika ini kata Mohd. Naim, sebahagian daripada sayur yang ditanamnya akan dihantar ke sebuah pasar raya berdekatan manakala selebihnya akan diambil sendiri oleh para pemborong di kebun sayurinya.

Dalam pada itu, ujarnya, selain berdepan cabaran pasaran semasa dan cabaran alam, dia juga terpaksa berdepan dengan saingan daripada pemborong-pemborong sayur besar yang lebih berpengalaman serta berpengaruh.

"Adakalanya rasa macam nak putus asa tapi alhamdulillah, saya masih boleh bertahan lagi ketika ini walaupun terpaksa bekerja lebih kuat untuk berjaya," katanya yang pernah menjadi pembekal termuda kepada pemborong sayur yang lain sebelum ini.



MOHD Naim Othman berhasrat memulakan projek cili fertigasi tidak lama lagi, namun belum menemui lokasi yang sesuai untuk tanamannya berkenaan.

Mahu pelopori projek cili fertigasi

DENGAN memperoleh pendapatan kasar sekitar RM60,000 setahun ketika ini, Mohd. Naim juga boleh dianggap bertuah kerana terpilih sebagai antara usahawan muda yang menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) untuk memajukan projek tanamannya.

Katanya, dia kini dalam perancangan untuk memulakan projek tabaian cili fertigasi pula, namun, masih mencari lokasi yang sesuai untuk tujuan itu.

"Ada juga cuba minta tanah dengan Perda (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) termasuk di Ara Kuda namun belum ada kata putus serakat ini.

"Kalau saya boleh dapatkan tanah sehingga dua hektar iaitu termasuk untuk projek tanaman cili ini, insya-Allah saya mampu keluaran sehingga satu tan sayur-sayuran secara keseluruhannya dalam

tempoh sehari," ujarnya.

Dalam masa yang sama kata Mohd. Naim, dia juga bercita-cita untuk terus melebarkan empayar perniagaan sayur-sayurannya agar lebih dikenali ramai.

"Dahulu iaitu semasa mula-mula menjadi pekebun sayur pun saya mempromosi sendiri perniagaan saya terutamanya ke seluruh negeri Pulau Pinang termasuk di sebelah pulau.

"Dengan dibantu rakan, kami menjelajah ke hampir semua pasar basah dan bertemu ramai peniaga termasuk yang berketurunan Cina," katanya yang berpuas hati dengan sambutan yang diterima ketika itu.

Tambah Naim, ketika ini juga, selain sekitar Pulau Pinang khususnya dalam daerah Seberang Perai Utara (SPU), sayur-sayurannya juga pernah dihantar hingga ke Kulim dan Pendang di Kedah.